

LAMBANG NILAI KEPAHLAWANAN DALAM CERITA LISAN DI KELANTAN

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan* dan Mohd Firdaus Che Yaacob

Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Cerita lisan merupakan satu penyampaian yang diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain menerusi alat penuturan, iaitu mulut. Cerita lisan ini kebiasaannya memiliki bentuk penyampaian pengajaran yang positif kepada masyarakat setempat. Namun begitu, naratif lisan kurang didendangkan pada masa ini kerana wujudnya karya-karya berbentuk animasi yang lebih menarik minat golongan muda khususnya. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan membincangkan lambang nilai kepahlawanan dalam cerita lisan di daerah Kota Bharu, Kelantan. Dengan itu kajian ini membataskan untuk meneliti dua buah cerita rakyat, iaitu *Kewibawaan Raja Kelantan* dan *Upacara Pelepas di Pulau Berhantu*. Kajian ini hanya melibatkan kawasan di daerah Kota Bharu, Kelantan. Untuk memperoleh data yang sahih dan kukuh, kajian ini telah mengaplikasikan Teori Budaya menerusi Pendekatan Representasi sebagai deduktif kajian. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan untuk memantapkan hasil kajian ini. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa aspek kepahlawanan seperti sikap berani bertindak, berani menuntut bela dan sikap ikhlas dalam cerita lisan di Kota Bharu, Kelantan mampu mendidik anak-anak muda tentang sahsiah diri yang berwibawa.

Kata Kunci: Kepahlawanan; Cerita Lisan; Teori Budaya; Kota Bharu.

Symbols of Heroic Values In Oral Stories In Kelantan

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: 10 Ogos 2022

Diterima: 29 September 2023

Diterbitkan: 1 November 2023

E-mel:

sitinurulsuhadahadnan@gmail.com (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan)

firdaus.cy@umk.edu.my (Mohd Firdaus Che Yaacob)

*Penulis Penghubung

ABSTRACT

*Oral stories are transmissions handed down from one generation to another through the medium of speech, which is the mouth. These oral stories usually have a form of positive teaching delivery to the local community. However, oral narratives are less practised nowadays because of the existence of animated works that are more interesting to young people in particular. Therefore, this study has been carried out to identify and discuss the symbols of heroic values in oral stories in the Kota Bharu district of Kelantan. With that, this study is limited to examining two folk tales, namely *Kewibawaan Raja Kelantan* and *Upacara Pelepas di Pulau Berhantu*. This study only involves areas in Kota Bharu, Kelantan. In order to obtain authentic and solid data, this study has applied the Cultural Theory through the Representational Approach as a deductive study.*

*study has been carried out to identify and discuss the symbols of heroic values in oral stories in the Kota Bharu district of Kelantan. With that, this study is limited to examining two folk tales, namely *Kewibawaan Raja Kelantan* and *Upacara Pelepas di Pulau Berhantu*. This study only involves areas in Kota Bharu, Kelantan. In order to obtain authentic and solid data, this study has applied the Cultural Theory through the Representational Approach as a deductive study.*

This study also uses the qualitative method, namely the library method and the field method, to strengthen the results of this study. As a result, this study has found that aspects of heroism, such as daring to act, daring to seek vengeance and a sincere attitude, in oral stories in Kota Bharu, Kelantan are able to educate young children about authoritative personality.

Keywords: Oral Stories; Heroic; Cultural Theory; Kota Bharu.

PENGENALAN

Cerita lisan merupakan salah satu kesusasteraan Melayu yang melambangkan identiti bangsanya. Hal ini berlaku demikian kerana cerita lisan dianggap sebagai satu bentuk kesenian kreatif yang digubal oleh seorang penglipur lara. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, et. al (2017) cerita lisan digambarkan sebagai satu kesenian halus yang dilontar menggunakan medium percakapan kepada khalayak ramai. Hal ini terjadi demikian kerana penggubal cerita rakyat, iaitu penglipur lara banyak menekankan struktur emosi, cita rasa serta persekitaran yang berlaku dalam masyarakatnya kepada sebuah cerita. Hal ini mengakibatkan sesuatu kesenian kebudayaan itu telah dieksplotasi menerusi penyampaian cerita lisan Melayu. Kesannya, medium cerita lisan telah membentuk satu ketamadunan yang dipenuhi dengan kebudayaan dan peradaban yang unggul hingga ke persada antarabangsa.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) cerita lisan ialah gambaran kehalusan peradaban masyarakat Melayu zaman silam. Penglipur lara menggunakan bahasa yang lembut dan sopan untuk menasihati masyarakat setempat melalui penyampaian cerita rakyat. Oleh itu, cerita lisan digunakan oleh penglipur lara untuk menyampaikan amanat, idea serta pantang-larang yang seharusnya diamalkan oleh masyarakat berkelompok. Maka, garapan cerita lisan mampu memperlihatkan sikap dan pandangan seorang penglipur lara yang memiliki daya kreatif yang tinggi. Akibatnya, setiap ahli masyarakat mampu mengikuti perkara yang diperjuangkan oleh penglipur lara tanpa tersinggung dengan kata-kata yang dilontarkannya.

Pendapat tersebut telah disokong oleh Asniza Zakaria (2019) yang berpendapat bahawa sesuatu cerita lisan yang dibina atas kesedaran masyarakat untuk saling menjaga adat istiadat serta amalan turun-temurun mereka dalam sesebuah cerita. Oleh hal yang demikian, seorang penglipur lara memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa kebudayaan naratif lisan difahami oleh setiap lapisan masyarakatnya. Hal ini menyebabkan penglipur lara akan menghasilkan sebuah cerita lisan berkisarkan pengalaman, persekitaran, pemerhatian dan bacaannya, lalu disampaikan kepada masyarakat setempat. Penyampaian tersebut, adalah bertujuan mendedahkan kepercayaan masyarakat atau adat istiadat yang seharusnya dipegang dalam kehidupan. Justeru itu, cerita lisan dianggap sebagai daya intelektual seorang penglipur lara dalam menyampaikan amanat tertentu.

Menurut Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) cerita lisan ialah suatu kreativiti yang berfungsi sebagai medium hiburan masyarakat Melayu tradisional. Cerita lisan direalisasikan oleh masyarakat Melayu tradisional untuk mengetengahkan tradisi komunitinya kepada golongan muda. Hal ini dikatakan cerita lisan amat menpengaruhi tindakan golongan tua yang berperanan menegur kesilapan golongan muda. Namun, kaedah halus digunakan, iaitu menggunakan bait-bait kata dalam cerita lisan untuk memastikan bahawa tatasusila masyarakat Melayu tidak tercemar. Akhirnya, cerita lisan mampu melahirkan golongan muda yang lebih rasional dalam setiap tindakannya.

Jamail Masador, et. al (2021) menyatakan bahawa cerita lisan ialah gabungan imaginasi penglipur lara dengan persekitaran yang dialami oleh masyarakat. Penglipur lara berfungsi sebagai seorang penyebar maklumat tentang sesuatu perkara seperti ketokohan, alam ghaib dan sifat haiwan. Hal ini dikatakan demikian kerana penglipur lara bertindak memenuhi kehendak masyarakat setempat yang ingin mengetahui kejadian yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh

itu, penglipur lara mulai merungkai persoalan yang bermain di benak masyarakat dengan pemikiran dan pengalaman yang dialaminya. Justeru itu, masyarakat Melayu tradisional amat mempercayai cerita-cerita yang diutarakan oleh nenek moyang mereka dan bertindak memelihara warisan tersebut daripada generasi kepada generasi seterusnya.

Secara keseluruhannya, cerita lisan sememangnya banyak mempengaruhi kebudayaan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran dan perasaan masyarakat telah disatukan menerusi cerita lisan. Walaupun cerita lisan hanya dianggap sebagai hiburan masyarakat terdahulu, namun masih memberikan impak yang besar terhadap pembentukan keperibadian seseorang individu. Dengan keadaan demikian, cerita lisan mampu memberikan dimensi yang berbeza kepada perspektif golongan muda, khususnya untuk lebih menghayati warisan kebudayaan masyarakat silam. Rentetan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai kepahlawanan dalam cerita lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini berusaha menampilkan nilai kepahlawanan untuk sama-sama dihayati oleh golongan muda selain mengekalkannya sebagai khazanah bangsa Melayu.

SOROTAN KAJIAN

Pada bahagian ini, pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas yang mengkaji cerita rakyat di Malaysia. Antaranya ialah *Kearifan Tempatan dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* oleh Sesilia Seli (2016). Kajian ini memperihalkan kepercayaan adat resam masyarakat Dayak Kanayatn yang utuh sehingga kini. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membincangkan aspek kearifan tempatan dalam masyarakat Dayak Kanayatn menerusi cerita rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan untuk mendapatkan hasil yang lebih mapan dan fleksibel. Hasil kajian ini mendapati bahawa aspek-aspek kearifan merangkumi pengetahuan, nilai-nilai dan keterampilan masyarakat setempat menerusi cerita rakyat.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, et. al (2017) merungkai *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini menonjolkan cerita rakyat sebagai kebudayaan masyhur masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan merincikan cerminan moral dalam cerita rakyat Melayu. Selain itu, kajian ini juga telah membataskan untuk meneliti cerminan moral dalam buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks untuk memerihalkan maklumat secara jelas. Hasil daripada kajian ini memperoleh cerminan moral positif, iaitu kejujuran dalam cerita rakyat Melayu yang membuktikan amalan positif masyarakat Melayu tradisional.

Lebih-lebih lagi, kajian bertajuk *Komunikasi Tradisi dalam Kepenggarangan Hikayat Pelanduk Jenaka* oleh Roslina Abu Bakar (2017). Kajian ini menampilkan cerita rakyat sebagai bentuk hiburan masyarakat silam bagi tujuan mendidik akhlak golongan muda. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan membincangkan komunikasi tradisi yang ada dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan analisis yang kukuh dan mapan. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa cerita rakyat telah memberikan kesan yang mendalam terhadap kebudayaan masyarakat Melayu selain mendidik keperibadian kanak-kanak.

Di samping itu, kajian *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif* juga dilakukan oleh Muhammad Safuan Ismail, et. al (2018). Kajian ini memerihalkan cerita jenaka memiliki inti pati berbentuk pengajaran untuk diketengahkan kepada masyarakat setempat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan manifestasi watak dan pewatakan positif menerusi cerita jenaka Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks sebagai pengukuhan analisis kajian. Kajian ini juga menggunakan pendekatan Psikologi Humanistik sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian

mendapati bahawa watak dan pewatakan yang diutarakan dalam cerita rakyat memberikan impak positif kepada pengamalnya.

Kajian yang bertajuk *Nilai Kepahlawanan dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragan di Sabah* telahj dilakukan oleh Jamail Masador, et. al (2020). Kajian ini telah memperlihatkan ketokohan masyarakat Suku Kimaragan yang menjadi jati diri kaum tersebut. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai kepahlawanan yang ada dalam cerita rakyat Suku Kimaragan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan untuk mendapatkan hasil yang mapan. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa nilai kepahlawanan dalam cerita rakyat Suku Kimaragan telah menggambarkan satu bentuk kepercayaan tradisi masyarakatnya.

Secara keseluruhan, kajian lepas banyak memberikan impak positif kepada kesusasteraan Melayu. Namun begitu, masih terdapat kelompongan dari aspek kepahlawanan Melayu dalam pengkajian terdahulu. Lantas, kajian ini dilakukan untuk menambah baik aspek kepahlawanan dalam cerita lisan di daerah Kota Bharu, Kelantan. Hal ini untuk memartabatkan cerita lisan Melayu hingga persada dunia.

PERNYATAAN MASALAH

Menerusi pernyataan masalah, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompongan yang berlaku dalam pengkajian lepas. Antara kajian lepas yang telah diteliti adalah seperti *Kearifan Tempatan dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* oleh Sesilia Seli (2016), *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, et. al (2017), *Komunikasi Tradisi dalam Kepenggarangan Hikayat Pelanduk Jenaka* oleh Roslina Abu Bakar (2017), *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif* oleh Muhammad Safuan Ismail, et. al (2018) dan *Nilai Kepahlawanan dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragan di Sabah* oleh Jamail Masador, et. al (2020).

Pengkaji melihat kesusasteraan Melayu kian membangun dan mendapat tempat di hati para sarjana. Menurut Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), pengkajian kesusasteraan Melayu kian dipertingkatkan kerana masyarakat kini memiliki kesedaran untuk memartabatkan warisan budaya Melayu. Namun begitu, masih terdapat kelompongan yang sering dilupakan oleh sarjana. Hal ini kerana peredaran teknologi mengikut zaman telah mengubah gaya penyampaian cerita rakyat Melayu. Keadaan ini menyebabkan cerita rakyat tidak disampaikan secara menyeluruh kepada masyarakat. Oleh itu, aspek kepahlawanan kurang diketengahkan dalam kajian kesusasteraan Melayu kerana sering disampaikan dalam bentuk epik atau sejarah. Hal ini memerlukan penelitian khusus untuk memberikan pemahaman yang kritis kepada masyarakat setempat. Maka, para sarjana banyak menumpukan nilai-nilai murni, jati diri, pemupukan akhlak dan nilai-nilai Islam berbanding dengan kepahlawanan dalam cerita lisan kerana lebih mudah difahami oleh masyarakat sekeliling. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk mengembalikan aspek kepahlawanan watak cerita lisan kepada masyarakat setempat.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan cerita lisan yang diperoleh di Kota Bharu, Kelantan. Antara tajuk cerita yang dikaji ialah *Kewibawaan Raja Kelantan* dan *Upacara Pelepas di Pulau Berhantu*. Tajuk cerita ini diperoleh hasil daripada temu bual pada tarikh 15 September 2020 bersama-sama penglipur lara, iaitu Encik Long Mohamad di Kampung Lundang, Kota Bharu. Beliau merupakan seorang penglipur lara yang berpengetahuan luas akan asal usul penempatan, tokoh, serta sejarah. Cerita yang disampaikan ialah hasil penelitian bersama-sama orang tuanya secara turun-temurun. Sementara itu, kajian ini juga menggunakan teori budaya oleh Chris Barker (2009) yang memperlihatkan pendekatan representasi. Pendekatan representasi ini diambil kerana memiliki persamaan dengan amalan turun-temurun masyarakat setempat.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan metodologi kajian, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan sahih. Bahan-bahan ini dirujuk daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan dan Perpustakaan Negeri Terengganu. Hal ini untuk memperkuuh pengetahuan tentang cerita lisan Melayu secara lebih mendalam.

Seterusnya, kajian ini juga melaksanakan kaedah lapangan untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan rinci. Kaedah lapangan ini merangkumi proses temu bual dengan seorang penglipur lara di Kota Bharu, Kelantan, iaitu Encik Long Mohamad Razali Mohamad Nom. Encik Long Mohamad Razali Mohamad Nom dipilih kerana memiliki pengetahuan dalam menyampaikan cerita rakyat. Tambahan pula, Encik Long Mohamad Razali merupakan salah seorang ahli persatuan sejarah negeri Kelantan. Temu bual dilakukan pada 15 September 2020 tepat jam 9.30 pagi. Sewaktu proses temu bual dijalankan, pengkaji telah mengemukakan soalan-soalan lisan untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan rinci daripada penglipur lara. Proses ini penting untuk mendapatkan cerita lisan yang berkualiti dan bersistematik. Hasil temu bual ini memperlihatkan pengkaji memperoleh cerita lisan yang bersesuaian dengan objektif kajian.

Selain itu, proses merakam audio dan video dilaksanakan untuk membuktikan kesahihan cerita lisan yang diperoleh. Hasil rakaman video dan audio ini membuktikan proses kaedah lapangan yang dijalankan di kawasan kajian. Dengan itu, rakaman video dan audio ini telah ditapis beberapa kali untuk mendapatkan cerita lisan yang menepati dengan piawaian kajian ini. Kesannya, data yang diperoleh dapat dikumpulkan secara sistematik dan teratur untuk mengenal pasti serta menganalisis nilai kepahlawanan menerusi cerita lisan di Kota Bharu, Kelantan.

Kajian ini turut menjelaskan Teori Budaya melalui pendekatan representasi oleh Chris Barker (2009). Penggunaan pendekatan representasi mampu menjelaskan aspek kepahlawanan dalam cerita lisan di Kota Bharu, Kelantan. Antara cerita lisan yang dipilih ialah *Kewibawaan Raja Kelantan* dan *Upacara Pelepas di Pulau Berhantu*. Kedua cerita ini dipilih secara rawak dan disaring sebanyak lima kali untuk mendapatkan analisis yang mapan. Justeru itu, aspek metodologi ini penting untuk mendapatkan maklumat yang sahih bertepatan dengan objektif kajian.

Teori Budaya

Teori Budaya yang disimpulkan oleh Chris Barker (2009) ini memiliki bahagian multidisiplin, dan terdapat pandangan yang diambil daripada kepelbagaiannya disiplin ilmu. Disiplin ilmu kebudayaan ini digunakan secara efektif untuk menguji hubungan antara budaya dan kuasa dalam komuniti. Pendekatan ini dikatakan memerlukan perubahan dan perwakilan kumpulan sosial yang terpinggir, terutama kelas, jantina, dan bangsa. Kesannya, pengajian budaya ialah teori yang dibina oleh para sarjana untuk menentang amalan dalam bidang politik dan lebih menekankan aspek sosial. Oleh itu, pengetahuan tidak pernah menjadi satu bentuk fenomena asli ataupun subjektif, tetapi persoalan tentang kedudukan, masalah peribadi, ucapan, serta berlandaskan sesuatu matlamat kepada seseorang manusia.

Kajian ini memperlihatkan pendekatan representasi yang akrab dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Menurut Chris Barker (2009), pendekatan representasi ini meliputi pemahaman yang dapat diterapkan dalam diri manusia menggunakan pemikiran rasional. Pendekatan ini meliputi aspek hati, akal serta tindakan sekolompok masyarakat yang mengaplikasinya dalam kehidupan. Aspek hati memberikan keyakinan kepada manusia untuk sentiasa menyemai kebaikan kepada anggota masyarakat yang lain. Selain itu, aspek akal mendorong manusia untuk sentiasa berfikir secara waras sebelum mengambil tindakan. Akal akan memberikan tanda isyarat kepada tindakan atau perlakuan seseorang manusia. Manakala, tindakan meliputi perlakuan atau gerakan yang dilakukan oleh manusia setelah mendapat arahan

atau tindak balas daripada akal fikiran. Hal ini kerana setiap tindakan akan memberikan kesan positif atau negatif kepada anggota yang lain. Ketiga-tiga aspek ini saling berhubung kait dan bergantung antara satu sama lain untuk melahirkan manusia yang berwibawa. Dalam konteks ini, pembaca atau penerima memainkan peranan penting dalam mengaitkan makna dengan penulisan teks ataupun secara lisan. Pendekatan representasi ini menggambarkan elemen budaya mampu dibentuk melalui makna atau bahasa. Oleh itu, penyampaian bahasa yang baik dijadikan sebagai simbolik kepada manusia untuk saling menjaga adab dan budaya komunitinya.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Melalui dapatan, kajian ini berupaya untuk menganalisis aspek kepahlawanan yang wujud menerusi cerita lisan di daerah Kota Bharu, Kelantan. Menurut Muhammad Yusuf (1986) nilai kepahlawanan mampu dilihat melalui tindakan atau sikap yang baik seperti berani menuntut bela, berani mencuba sesuatu dan sifat keikhlasan. Aspek kepahlawanan dalam cerita lisan di Kota Bharu, Kelantan mampu dilihat pada rincian seperti di bawah:

Nilai Kepahlawanan Menerusi Berani Menuntut Bela

Berani menuntut bela merupakan tindakan seseorang yang berusaha meminta kebebasan secara mendesak (*Kamus Dewan*, 2016). Tindakan mendesak ini bertujuan untuk mendapatkan hak-hak yang sepatutnya dimiliki secara cepat tanpa melibatkan unsur-unsur kekerasan. Akibatnya, hak-hak yang dipertahankan akan dimiliki secara bersama-sama lalu mengembalikan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menuntut bela ialah suatu bentuk tindakan untuk memelihara keamanan sesebuah organisasi maupun komuniti. Oleh itu, individu yang memperjuangkan hak-hak akan bersiap-sedia untuk mengorbankan tenaga dan masa untuk memastikan bahawa perjuangan tersebut mendapat pembelaan. Akhirnya, masyarakat lebih ter dorong untuk mempertahankan haknya sebagai manusia daripada dirampas oleh anasir-anasir jahat.

Sifat berani menuntut bela dapat dilihat menerusi cerita lisan yang bertajuk *Kewibawaan Raja Kelantan*. Perkara ini mampu diperhatikan dalam petikan di bawah:

Petikan 1

Pada tahun 1961, terdapat perselisihan faham antara Raja Kelantan dengan negeri Kubang Labu. Perselisihan itu terjadi apabila negeri Kubang Labu meminta negeri Kelantan untuk menghantar ufti emas. Permintaan itu dianggap sebagai mencabar kedaulatan Raja Kelantan di negeri itu. Maka, telah berlaku satu perperangan di antara negeri Kelantan dengan negeri Kubang Labu. Oleh kerana dendam kesumat, baginda Long Yunus memutuskan untuk turut serta dalam memerangi negeri Kubang Labu. Hal ini dilakukan bagi menuntut bela atas kematian ayahandanya di Patani suatu masa dahulu. Pelbagai strategi dilakukan bagi memerangi negeri Kubang Labu.

(Long Mohamad Razali Mohamad Nom, temu bual peribadi, September, 15, 2020)

Melalui petikan 1, sifat berani menuntut bela dapat diperhatikan menerusi watak Raja Long Yunus. Watak ini dikatakan amat berdendam dengan Negeri Kubang Labu yang telah membunuh ayahanda kandungnya sewaktu operangan terjadi. Hal ini membangkitkan semangat membara untuk menegakkan keadilan buat ayahandanya itu. Lantas, strategi disusun dengan teliti untuk memerangi Negeri Kubang Labu yang dianggap agak keterlaluan permintaannya kepada Raja Kelantan iaitu, menghantar ufti bunga emas.

Petikan 2

Long Yunus telah memerintahkan pasukan memanah untuk membarisi pertahanan hadapan tentera negeri Kelantan. Baginda juga telah memerintahkan agar bala tenteranya

mengali lubang besar dan ditutupi dengan dedaun kering supaya musuh terjatuh ke dalamnya. Di dalam lubang itu, baginda memerintahkan supaya dipacakkan kayu tajam agar mampu merobek tubuh musuh yang jatuh ke dalam lubang besar itu. Baginda Long Yunus dan bala tenteranya memerangi perang itu dalam tempoh setahun. Pada tahun 1962, perang di antara dua negeri itu berakhir apabila negeri Kubang Labu mengundurkan diri dari peperangan itu.

(Long Mohamad Razali Mohamad Nom, temu bual peribadi, September, 15, 2020)

Menerusi petikan 2, sifat berani menuntut bela mampu dilihat pada watak Raja Long Yunus. Hal ini dikatakan demikian kerana watak tersebut berusaha secara maksimum untuk memerangi Negeri Kubang Labu pada ketika itu. Hal ini dibuktikan dengan strategi tentera panah dan memacak kayu tajam di lubang besar. Hasil daripada perang tersebut, tentera di bawah naungan Raja Long Yunus memperoleh kemenangan yang padu. Oleh itu dapat dilihat dengan strategi serta kebijaksanaan Raja Long Yunus mampu meraih kemenangan terbesar dalam perang tersebut.

Pengaplikasian teori budaya oleh Chris Barker (2009) melalui pendekatan representasi. Pendekatan representasi memperlihatkan akal fikiran yang rasional sebelum mengambil apa-apa tindakan. Hal ini kerana watak-watak cerita lisan di atas telah mengalami pengalaman buruk yang berpotensi mengganggu emosi serta jasmani mereka. Namun, watak utama dalam cerita lisan di atas telah bertindak memprotes secara wajar untuk mengambil kembali hak mereka. Pemahaman ini diperoleh melalui ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh watak cerita lisan di atas. Watak-watak ini menggunakan akal fikiran yang cerdas demi mempertahankan diri. Rentetan itu, tindakan yang diambil telah memberikan kesan positif kepada masyarakat setempat.

Nilai Kepahlawanan Menerusi Berani Mencuba Sesuatu

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, et. al (2017), berani mencuba sesuatu ialah hati yang kukuh serta yakin akan kebolehan diri mampu mengubah sesuatu perkara. Oleh itu, seseorang individu perlu memiliki pengetahuan yang luas untuk melaksanakan sesuatu perubahan. Hal ini demikian, untuk meyakinkan masyarakat setempat untuk sama-sama melakukan perubahan tersebut. Dengan berbuat demikian, masyarakat mampu memperoleh manfaat perubahan tersebut secara bersama-sama. Di samping itu, menurut Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) berani mencuba sesuatu ialah sifat memperlihatkan kelebihan diri secara tertutup tetapi mampu memberi manfaat berguna kepada orang disekeliling. Melalui bakat yang ada, individu tersebut mampu memberi satu perubahan drastik menerusi pertolongan serta kepercayaan masyarakat di sekelilingnya. Dengan keadaan sedemikian, masyarakat yang menerima perubahan tersebut akan sentiasa berfikiran positif malahan bersedia untuk melakukan lebih banyak perubahan untuk komunitinya.

Sifat berani mencuba sesuatu dapat dilihat menerusi cerita lisan yang bertajuk *Kewibawaan Raja Kelantan*. Perkara ini mampu diperhatikan dalam petikan di bawah:

Petikan 3

Hal ini kerana Raja Kelantan tidak memiliki seorang putera sebagai pewaris takhta. Baginda hanya mempunyai seorang puteri, iaitu Puteri Delima Jelita yang berusia sebaya dengan Long Yunus. Setelah meningkat dewasa, Long Yunus dikahwinkan dengan Puteri Delima Jelita bagi memberikannya hak sebagai pewaris takhta negeri Kelantan.

(Long Mohamad Razali Mohamad Nom, temu bual peribadi, September, 15, 2020)

Berdasarkan petikan 3, sifat berani mencuba sesuatu mampu dilihat pada watak Raja Kelantan. Hal ini terjadi demikian kerana baginda tidak memiliki putera lantas bertindak mengahwinkan Raja Long Yunus dengan Puteri Delima Jelita. Hal ini bertujuan untuk

memperkuuh pentadbiran negeri apabila Raja Kelantan telah mangkat. Biarpun hal ini merupakan perubahan penting yang berlaku dalam pentadbiran negeri, baginda seharusnya mencari pengganti yang wajar dan mampu dipercayai. Oleh sebab itu, Raja Kelantan mengambil pendekatan sedemikian rupa.

Sifat berani mencuba sesuatu dapat dilihat dalam cerita lisan yang berjudul *Upacara Pelepas di Pulau Berhantu*. Sifat ini mampu diterangkan menerusi petikan di bawah:

Petikan 4

Pada ketika itu, Wani datang dengan membawa makanan untuk Syikin. Akan tetapi dia terkejut dengan keadaan Syikin yang pengsan di atas lantai ruangan biliknya. Lantas, Wani bergegas meminta pertolongan Bidan Aisyah di hujung kampung. Wani dan Bidan Aisyah segera mengangkat Syikin ke tempat pembarangan sebaik sahaja tiba. Bidan Aisyah yang menyedari jendela bilik Syikin terbuka itu lalu menutupnya sambil diiringi gelangan kepala.

(Long Mohamad Razali Mohamad Nom, temu bual peribadi, September, 15, 2020)

Menerusi petikan di atas, sifat berani mencuba sesuatu mampu dilihat pada watak Wani. Watak ini dilihat memiliki hati yang cekal sehingga mampu bertindak dalam situasi yang cemas. Hal ini dibuktikan apabila Wani melihat keadaan Syikin yang terbaring di sudut bilik telah membuatkannya bertindak meminta pertolongan Bidan Aisyah. Hal ini merupakan sikap yang dikagumi kerana Wani dilihat tidak segera panik malah sempat berfikir secara rasional dalam mengambil tindakannya.

Pengaplikasian teori budaya oleh Chris Barker (2009) melalui pendekatan representasi mampu memperkaya budaya masyarakat setempat. Hal ini disebabkan oleh kearifan masyarakat setempat mendominasi pengetahuan am tentang kebudayaan Melayu. Melalui gabungan budaya dan pemahaman ini, watak-watak dalam cerita lisan mampu berusaha untuk bertindak sendiri. Hal ini kerana mereka memiliki ilmu pengetahuan dan pengalaman hidup untuk mencipta budaya berfikir secara kritis. Oleh itu, watak-watak di atas mampu memiliki pemikiran rasional dan mengambil langkah-langkah yang wajar. Tindakan yang wajar mampu membendung masalah daripada merebak kepada anggota masyarakat yang lain.

Nilai Kepahlawanan Melalui Sifat Keikhlasan

Keikhlasan merupakan sifat budi pekerti yang ditonjolkan oleh seseorang individu kepada masyarakatnya (Roslina Abu Bakar, 2017). Hal ini didorong melalui kesucian hati yang mendahulukan perbuatan yang baik dalam kalangan masyarakat. Setiap pertolongan yang diberikan tidak mengharapkan sebarang balasan malahan mampu tersenyum riang kerana mampu membantu insan yang kesusahan. Kesannya, masyarakat mampu menikmati kehidupan dengan lebih baik melalui pergorbanan yang dilakukan oleh anggota komunitinya. Menurut Muhammad Safuan Ismail, et. al (2018) mengatakan bahawa keikhlasan ialah sikap merelakan sesuatu perkara diberikan kepada orang lain tanpa sebarang rungutan di hati mahupun pertuturan. Hal ini disebabkan oleh ketulusan hati seseorang individu yang tidak sanggup melihat penderitaan orang lain. Natijahnya, masyarakat akan memiliki keperibadian mulia serta bebas daripada pemikiran yang negatif terhadap individu lain.

Sifat keikhlasan dapat dilihat menerusi cerita lisan yang bertajuk *Kewibawaan Raja Kelantan*. Perkara ini mampu diperhatikan dalam petikan di bawah:

Petikan 5

Setelah berjaya melarikan diri hingga ke negeri Kelantan, Long Yunus ditemui oleh Raja negeri Kelantan di tebing sungai. Sungai itu merupakan sempadan antara negeri Patani dengan negeri Kelantan. Long Yunus dijaga dengan penuh kasih sayang oleh Raja Kelantan pada ketika itu. Hal ini kerana Raja Kelantan tidak memiliki seorang putera

sebagai pewaris takhta. Baginda hanya mempunyai seorang puteri, iaitu Puteri Delima Jelita yang berusia sebaya dengan Long Yunus.

(Long Mohamad Razali Mohamad Nom, temu bual peribadi, September, 15, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, sifat keikhlasan mampu dirincikan melalui watak Raja Kelantan. Hal ini terjadi disebabkan oleh baginda tidak memiliki putera raja lalu mengambil Raja Long Yunus sebagai anaknya. Kasih sayang yang dicurahkan kepada Raja Long Yunus adalah sama dengan perasaan sayang baginda terhadap puterinya biarpun Raja Long Yunus bukanlah anak kandung Raja Kelantan. Raja Kelantan dilihat ikhlas membesar Raja Long Yunus tanpa membezakan darah yang mengalir di tubuh baginda.

Sifat keikhlasan mampu diperjelas menerusi cerita lisan yang berjudul *Upacara Pelepas di Pulau Berhantu*. Sifat ini mampu dirincikan melalui petikan di bawah:

Petikan 6

Syikin ini tinggal berseorangan selepas kematian suaminya dua bulan yang lalu. Maka, segala keperluan rumah diuruskan oleh Syikin seorang diri ditambah pula dengan keadaan bakal menimang cahaya mata tidak lama lagi. Syikin merupakan anak yatim piatu yang tiada tempat untuk dia mengadung untung nasibnya. Namun begitu, Syikin bernasib baik kerana memiliki seorang jiran yang prihatin, Wani sering membantunya kala dia sedang kesusahan. Dengan Wani tempat Syikin mengadu nasibnya. Wani sering mendengar ceritanya dengan penuh kesetiaan. Ada perkara yang mampu ditolong, maka Wani membantunya tanpa meminta balasan.

(Long Mohamad Razali Mohamad Nom, temu bual peribadi, September, 15, 2020)

Melalui petikan di atas, sifat ikhlas mampu diperhatikan menerusi watak Wani. Wani dilihat banyak membantu Syikin, seorang anak yatim piatu yang kehilangan suaminya. Wani banyak memantau keadaan Syikin yang sarat mengandung itu kerana rumah mereka bersebelahan. Watak ini dikatakan membantu dengan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang bantuan daripada Syikin. Hal ini kerana Wani sedia maklum akan kesusahan yang dialami Syikin. Dengan itu, Wani berusaha membantu Syikin dengan sedaya upayanya.

Pengaplikasian teori budaya oleh Chris Barker (2009) melalui pendekatan representasi. Pendekatan representasi memperlihatkan pemahaman masyarakat tentang tatasusila, tatacara dan adat resam yang menjadi asas kebudayaan mereka. Budaya masyarakat Melayu sering mengutamakan perbuatan yang baik tanpa melibatkan hawa nafsu. Salah satu budaya yang menjadi cerminan masyarakat Melayu ialah ikhlas dalam melakukan tindakan. Konsep ini difahami secara jelas oleh masyarakat setempat. Oleh itu, pendekatan representasi ini memperlihatkan hati manusia yang sering berbolak-balik dikawal oleh pemikiran yang wajar. Melalui pemikiran yang wajar, masyarakat mampu dikawal dan ikhlas dalam melakukan apa-apa tindakan.

Secara keseluruhannya, melalui analisis yang dikaji, pengkaji mendapati bahawa terdapat unsur nilai kepahlawanan yang diterapkan dalam cerita lisan di daerah Kota Bharu, Kelantan. Sesilia Seli (2016) telah memperjelaskan bahawa kepahlawanan melambangkan identiti seseorang tokoh dalam kebudayaan sesuatu bangsa. Hal ini kerana kepahlawanan mampu memperkasakan jiwa serta jati diri masyarakat Melayu. Oleh hal yang sedemikian, nilai kepahlawanan dan budaya perlu seiring untuk mengekalkan jati diri masyarakat Melayu kepada generasi muda.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mengetengahkan elemen kepahlawanan dalam cerita lisan di Kota Bharu, Kelantan. Hal ini wujud akibat daripada satu sifat dinamik dalam ketokohan watak

cerita lisan mampu mencerminkan satu bentuk modal insan kepada masyarakat kini. Penyampaian cerita lisan ini mampu mengembangkan kebudayaan masyarakat setempat. Hal ini kerana penyampaian cerita lisan ini memenuhi keperluan asasi dalam pola organisasi sosial. Secara tidak langsung, cerita lisan ini mampu disampaikan kepada satu generasi baharu melalui pembelajaran yang kritis. Oleh itu, masyarakat seharusnya memberikan tumpuan untuk melahirkan generasi muda yang memiliki kualiti insan yang bermanfaat melalui perlaksanaan pembangunan modal insan yang mencerminkan ketokohan kepahlawanan masa silam. Justeru itu, generasi muda digesa menghayati elemen cerita lisan untuk mengekalkan kepahlawanan masyarakat Melayu itu sendiri selain memartabatkannya.

PENGHARGAAN

Makalah/artikal ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

RUJUKAN

- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*. 26(1), 203-211.
- Chris Barker. (2009). *Cultural Studies: Teori dan Praktik*. Kreasi Wacana: Yogyakarta
- Dundes, A. 1965. *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam *Tangon Terpilih Suku Kimaragan di Sabah*. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 32(1), 175-201.
- Kamus Dewan. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Long Mohamad Razali Mohamad Nom. (2020). Kewibawaan Raja Kelantan. Kampung Lundang, Temu Bual, 15 September.
- Long Mohamad Razali Mohamad Nom. (2020). Upacara Pelepas di Pulau Berhantu. Kampung Lundang, Temu Bual, 15 September.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018) Gambaran Nilai Murni dalam Seuntaian Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pengaplikasian Konsep Rohani. *Journal of Business and Social Development*. 6(2), 1-10.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *Internasional Jounal of Language Education and Applied Linguistisc*. 35-44.
- Muhammad Yusuf. (1986). *Sosiologi Suatu Pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 10(2), 48-56.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*. 19(2), 189-204.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif. *Jurnal Kesidang*. 1(1), 296-329.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Komunikasi Tradisi Dalam Kepengarangan *Hikayat Pelanduk Jenaka*. *Jurnal Kemanusiaan*. 24(1), 23-49.
- Sesilia Seli. (2016). Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik. *Thesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.